

Rujukan Kami : UTHM/FPTV/100-14/2/5 (117)
 Tarikh : 16 Mei 2017

Kepada Pihak Yang Berkenaan

Tuan/Puan,

PINDAAN TARikh PENEMPATAN PELAJAR BAGI PROGRAM LATIHAN INDUSTRI FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL, UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk serta surat kami terdahulu no. rujukan UTHM/FPTV/100/14/2/5 bertarikh 17 April 2017 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional UTHM bercadang untuk menempatkan pelajar bagi program Sarjana Muda Pendidikan Vokasional dalam program Latihan Industri Semester 3 2016/2017 pada tarikh 11 Jun 2017 hingga 25 Ogos 2017.


3. Namun demikian, pihak FPTV telah dimaklumkan oleh pihak Pejabat Pengurusan Akademik, UTHM bahawa tarikh tersebut perlu ditunda ke tarikh **19 Jun 2017 hingga 25 Ogos 2017**. Ini berikutan tarikh awal tersebut telah bertindan dengan tarikh Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi 2017/2017. Sehubungan itu, pihak Universiti ingin memaklumkan tentang pertukaran tarikh penempatan pelajar tersebut. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Penyelaras Unit Latihan Industri di talian 07 456 4453 dan 012-735 1314.

4. Diharapkan semoga perkara ini mendapat perhatian dan kerjasama yang sewajarnya dari pihak tuan/puan berhubung perkara di atas, amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Benar



PROFESOR DR AHMAD BIN ESA

Dekan

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

 07 – 453 4001

s.k. - Ketua Jabatan Latihan Mengajar dan Latihan Industri
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

- Penyelaras Program Latihan Industri

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim Malaysia.
Tel : 07-4537000 Faks : 07-4536337. www.uthm.edu.my

MS ISO 9001:2008



CERTIFIED TO BE AND REMAIN IN USE
REVALIDATION NO: AR 2478